



PEKELILING SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERANCANG
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
BILANGAN 2 TAHUN 2012

**GARIS PANDUAN REKABENTUK SEJAGAT
(*UNIVERSAL DESIGN*)**

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA NEGERI SELANGOR

PEKELILING SETIAUSAHA JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
BILANGAN 2 TAHUN 2012

GARIS PANDUAN REKABENTUK SEJAGAT (*UNIVERSAL DESIGN*)

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan berkenaan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor mengenai pelaksanaan Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) di Negeri Selangor.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mei 2011 telah bersetuju dengan Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Seterusnya mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke-64 (MNKT Ke-64) pada 23 Mei 2011 telah bersetuju dengan pelaksanaan Garis Panduan ini. Ekoran dari itu, Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT telah dipanjangkan untuk pemakaian kepada semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkuatkuasa pada 8 Julai, 2011.

2.2 Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) ini adalah semakan semula terhadap garis panduan sedia ada (Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kemudahan Golongan Kurang Upaya JPBD 1/2000) yang mana ia adalah bertujuan untuk membantu PBN, PBT dan agensi pelaksana di dalam merancang kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang bercirikan reka bentuk sejagat yang boleh diakses oleh semua golongan individu tanpa mengira peringkat umur dan keupayaan fizikal masing-masing.

- 2.3 Perancangan kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang bercirikan reka bentuk sejagat (*universal design*) telah lama dilaksanakan di negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom dan Jepun. Di Malaysia, reka bentuk sejagat adalah satu pendekatan baru yang muncul daripada konsep bebas halangan (*barrier free*) atau reka bentuk mudah akses (*accessible design*) yang bertujuan memberi akses dan menghapuskan halangan fizikal kepada golongan OKU berbanding konsep sedia ada yang mana penyediaan kemudahan bagi golongan OKU diasingkan daripada individu lain.
- 2.4 Pendekatan reka bentuk sejagat mengintegrasikan sebaik mungkin kemudahan-kemudahan untuk digunakan oleh semua golongan individu secara inklusif tanpa pengasingan dengan menekankan penyediaan kemudahan-kemudahan berdasarkan kepada semua peringkat umur sama ada kanak-kanak, dewasa, tua dan keupayaan fizikal individu termasuk golongan OKU.
- 2.5 Reka bentuk sejagat (*universal design*) didefinisikan sebagai reka bentuk persekitaran dan produk yang boleh digunakan secara meluas oleh semua golongan individu tanpa memerlukan sebarang adaptasi atau rekaan khas (*Center for Universal Design, North Carolina State University, 1997*) di mana setiap individu mempunyai akses terhadap semua tempat dan kemudahan pada setiap masa. Konsep ini mempengaruhi reka bentuk kediaman, tempat kerja, pengangkutan, perhubungan, peralatan komputer, perabot serta apa-apa produk dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan harian dan kehidupan semua golongan individu.

3.0 KANDUNGAN PEKELILING

- 3.1 Pekeliling ini mengandungi keputusan JPNS Bil. 1/2012 bertarikh 13 Februari 2012 yang mana Jawatankuasa **bersetuju** untuk menerima pakai Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) di Negeri Selangor dan semua Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3.2 Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) adalah seperti di Lampiran.

4.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini hendaklah mendapat perhatian dan dilaksanakan oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah / Daerah di Negeri Selangor.

5.0 TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

(HJ. MOHD. ZAKI BIN IBRAHIM)

Pengarah

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.

Merangkap

Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor

Mei 2012